

PERANTARAAN DAN KAUNSELING

Di Mahkamah Keadilan Keluarga

PERKARA-PERKARA PENTING



Kandungan

- 01 Pengenalan
- 02 Apa itu Perantaraan dan Kaunseling di Mahkamah Keadlilan Keluarga?
- 03 Mengapa perlu diadakan Perantaraan dan Kaunseling di Divisyen Penyelesaian bagi Pertikaian Keluarga (FDR)?
- 05 Gambaran keseluruhan tentang bagaimana Kes-Kes yang Dirujukkan untuk Perantaraan dan Kaunseling Diuruskan oleh FDR
- 06 Proses Kaunseling
- 09 Proses Perantaraan
- 11 Apa Yang Berlaku Selepas Perantaraan?
- 12 Tip-Tip Tentang Pengasuhan Bersama Semasa dan Selepas Perceraian
- 13 Pihak-Pihak Untuk Dihubungi

Penafian

- Carta aliran dalam risalah ini menunjukkan proses yang lazim dijalankan. Bagi setiap kes perceraian, bergantung pada fakta dan keadaan, Hakim akan menggunakan budi bicara untuk mengarahkan tindakan terbaik yang boleh diambil pada bila-bila masa.
- Penerbitan ini hanya untuk maklumat sahaja.
- FJC menafikan apa-apa dan semua liabiliti berhubung dengan isi kandungan penerbitan ini.
- Sila dapatkan nasihat guaman jika anda merasa ragu.



Pengenalan

Mahkamah Keadilan Keluarga (FJC) menjalankan berbagai jenis proses untuk membantu pihak keluarga menyelesaikan pertikaian mereka semasa menghadapi prosiding perceraian, perpisahan dan perkara-perkara tentang anak di FJC.

Pertikaian keluarga dalam prosiding sebegini sering menimbulkan pelbagai emosi. Jika mereka terpaksa menjalani proses perbicaraan, ini memakan banyak belanja dan mengakibatkan stres. Pihak-pihak yang terlibat dalam prosiding seperti ibu, bapa, datuk dan nenek pasti mempunyai perhubungan kekeluargaan antara satu sama lain yang mungkin tidak dapat diperbaiki melalui proses perbicaraan yang menjejaskan semua pihak yang terlibat.

Dengan itu, FJC mengadakan perantaraan dan kaunseling pada peringkat awal untuk keluarga menyelesaikan pertikaian dari segi perhubungan dan pertikaian dari segi undang-undang dalam prosiding sedemikian.

Risalah ini memberi anda panduan tentang proses perantaraan dan kaunseling yang dijalankan oleh Divisyen Penyelesaian bagi Pertikaian Keluarga (FDR) di FJC.

Apa itu Perantaraan dan Kaunseling?



Ibu bapa yang melalui prosiding perceraian di Singapura dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak berumur 21 tahun ke bawah, perlu menghadiri sesi perantaraan dan kaunseling di Divisyen Perantaraan dan Kaunseling di Mahkamah Keadilan Keluarga (FDR). Pihak terlibat dan peguam mereka akan bertemu dengan perantara Mahkamah untuk perantaraan dan Pakar Keluarga di Mahkamah (CFS) dari Khidmat Kaunseling dan Psikologi (CAPS) untuk menyelesaikan apa juga perbalahan yang timbul daripada perceraian tersebut dan masalah-masalah sampingan seperti soal tempat tinggal anak-anak, nafkah dan pembahagian harta serta aset sepencarian.

Dalam kes-kes yang lain, pihak terlibat boleh meminta diadakan perantaraan dan/atau kaunseling secara sukarela, ataupun jika mahkamah berpendapat bahawa perantaraan/kaunseling didapati perlu/bermanfaat, mahkamah boleh mengarahkan pihak-pihak tersebut untuk menghadiri sesi-sesi ini agar pertikaian mereka dapat diselesaikan.

Mengapa Perlu Diadakan Perantaraan dan Kaunseling di Divisyen Penyelesaian bagi Pertikaian Keluarga?

Proses perantaraan dan kaunseling yang diadakan di FDR bagi perkara-perkara perceraian, perpisahan dan hal-hal berkenaan anak memberi peluang kepada pihak terlibat untuk berbincang secara berhemah dalam suasana yang selamat untuk mencari persetujuan bagi isu-isu berikut:



KUSTODI

Siapakah yang bertanggungjawab untuk membuat keputusan utama tentang kehidupan anak-anak.



PENJAGAAN DAN KAWALAN

Siapakah yang menjaga mereka setiap hari.



AKSES

Sek kerap manakah perjumpaan diberikan kepada pihak yang tidak mendapat hak penjagaan dan kawalan anak-anak.



NAFKAH

Berapakah jumlah yang diberikan oleh setiap pihak kepada bekas isteri/suami dan/atau anak-anak mereka untuk perbelanjaan.



HARTA/ASET SEPENCARIAN

Bagaimanakah harta/aset yang dimiliki sepanjang perkahwinan mereka dapat dibahagikan antara pihak terlibat.

Mengapa Perlu Diadakan Perantaraan dan Kaunseling di Divisyen Penyelesaian bagi Pertikaian Keluarga? (Bersambung)

KELEBIHAN MENJALANI PERANTARAAN DAN KAUNSELING DI FDR:



Pihak terlibat boleh belajar cara-cara menyelesaikan pertikaian melalui perbincangan dan rundingan sebagai ibu dan bapa dan bukan sebagai musuh.



Pihak terlibat boleh belajar tentang kesan perceraian terhadap anak-anak dan tumpukan kepada keperluan dalam perbincangan rancangan keibubapaan.



Pihak terlibat dan anak-anak mereka boleh mendapatkan sokongan terapi dan perujukan bagi bantuan kemasyarakatan.



Sesi perantaraan dan kaunseling di FJC adalah percuma. Bagi kes-kes yang hanya melibatkan soal kewangan dan aset yang banyak, Mahkamah mungkin merujuk kes ini untuk perantaraan pihak persendirian di luar FJC yang dikenakan bayaran mengikut pasaran.

Kerahsiaan:

- Semua maklumat dan perkara yang dibincangkan semasa perantaraan dan kaunseling adalah rahsia. Jika kes ini perlu dibicarakan, apa-apa yang disebutkan oleh pihak terlibat atau dokumen yang digunakan dalam sesi perantaraan dan kaunseling tidak boleh digunakan sebagai bukti. Hakim yang menjalankan perbicaraan dan Hakim-Perantara dalam proses perantaraan ini bukan hakim yang sama.

Gambaran Keseluruhan tentang bagaimana Kes-Kes yang Dirujuk untuk Perantaraan dan Kaunseling Diuruskan oleh FDR

TAHAP 1: PERSIDANGAN PENYELESAIAN UNTUK PERTIKAIAN KELUARGA

Menetapkan agenda untuk perantaraan dan kaunseling

Apa yang berlaku di Persidangan Penyelesaian untuk Pertikaian Keluarga?

Pihak terlibat yang bertelagah bersama peguam mereka akan berjumpa Hakim dan CFS.

Hakim dan CSF akan menjelaskan isu-isu yang dipertikaikan dan menetapkan agenda untuk perantaraan dan kaunseling.

Hakim akan menetapkan sesi perantaraan atau perantaraan-bersama

TAHAP 2: KAUNSELING

Di penghujung persidangan, pihak terlibat akan menghadiri sesi pertama berjumpa CFS yang akan mengadakan sesi kaunseling susulan jika perlu.

TAHAP 3: PERANTARAAN / PERANTARAAN-BERSAMA

Pihak terlibat dan peguam mereka berjumpa Perantara di sesi Perantaraan/Perantaraan-bersama untuk membicarakan isu-isu yang dipertikaikan.

TAHAP 4: PENUTUP PERANTARAAN

Jika ada penyelesaian, perintah persetujuan akan ditulis dan direkodkan oleh Hakim.

Jika tiada penyelesaian, pihak terlibat akan dirujuk kepada Hakim yang akan memberi arahan tentang persediaan untuk menjalani perbicaraan.

Proses Kaunseling

Pakar Keluarga di Mahkamah (CFS) berkelulusan profesional dan berpengalaman tentang kesihatan mental. Mereka menjalankan kaunseling yang dirahsiakan untuk ibu bapa termasuk anak-anak mereka jika perlu. Sesi ini bertujuan membantu para ibu bapa untuk:

- Mengetahui pasti isu-isu ketara yang penting bagi keluarga mereka dan anak-anak
- Menyelesaikan punca perbalahan.
- Meningkatkan kemahiran bagi menguruskan emosi yang terganggu dan menyakitkan.
- Berkomunikasi secara berkesan antara pasangan mengenai keperluan anak-anak.
- Mendapatkan kata sepakat tentang menguruskan anak-anak secara *interim* dan jangka panjang.

APA YANG DAPAT DIJANGKAKAN?




Cuma pihak terlibat dalam kes perceraian ini yang perlu hadir, iaitu pasangan berkenaan dan anak-anak mereka. Pihak terlibat dan anak-anak mereka akan dipanggil secara perseorangan atau bersama-sama bergantung pada keperluan kes. Peguam tidak perlu hadir.

Jika sesuai, CFS mungkin akan berjumpa dengan anak-anak mereka dahulu. CFS akan berjumpa dengan anak-anak secara berasingan untuk memahami pengalaman anak-anak ini tentang perpisahan dan perbalahan ibu bapa mereka dan menilai keperluan anak-anak ini.



Di sesi yang berasingan, CFS akan memberi maklum balas secara peka tentang keperluan anak-anak ini kepada ibu bapa berkenaan dan seterusnya membantu ibu bapa dengan lebih lanjut dalam membuat keputusan yang sesuai untuk menimbangkan keperluan anak-anak.



LANGKAH 1

Sesi Pengambilan dan Penilaian

- Sesi kaunseling yang pertama ini dikenali sebagai Sesi Pengambilan dan Penilaian.
- CFS akan menilai dan menentukan apa yang penting bagi setiap pihak, rancangan mereka untuk masa depan, kebimbangan dan kepentingan mereka, dan bagaimana perceraian ini boleh menjejaskan anak-anak mereka.
- Dalam sesi ini, CFS mungkin berjumpa pihak terlibat secara berasingan untuk mengetahui lebih lanjut sejarah peribadi, keluarga dan kesihatan mental mereka.



LANGKAH 2

Lanjutan Sesi kaunseling

- CFS mungkin mengadakan satu atau lebih dari satu sesi kaunseling bersama pihak terlibat untuk terus cuba menyelesaikan perbalahan mereka bagi mencapai persetujuan tentang soal tempat tinggal dan penjagaan yang terbaik untuk anak-anak mereka.

LANGKAH 3

Draf Surat Persetujuan/ mengemas kini Perantara

- Jika pihak terlibat mencapai persetujuan semasa kaunseling tentang tempat tinggal dan isu-isu lain, mereka boleh merekodkan draf persetujuan dengan CFS menjadi saksi.
- Jika mana-mana pihak diwakili oleh peguam, mereka boleh tunjukkan draf persetujuan ini kepada peguam.
- Peguam boleh mengesahkan draf persetujuan tersebut dengan Perantara semasa perantaraan untuk membantu melakarkan perintah persetujuan ini berdasarkan persetujuan yang dicapai.
- Sama ada terdapat draf persetujuan ataupun tidak, CFS akan mengemas kini Perantara tentang perbincangan yang dijalankan semasa kaunseling.
- Isu-isu lain yang tidak dipersetujui akan ditangani semasa sesi perantaraan (lihat muka surat 9).



Proses Kaunseling (Bersambung)

SOKONGAN SELANJUTNYA



- CFS akan bekerja dengan pihak terlibat dan anak-anak mereka untuk meneroka dan memikirkan tentang sokongan selanjutnya yang perlu diberikan selepas kaunseling.
- Dengan izin dari semua pihak, CFS boleh merujuk pihak terlibat ke agensi-agensi khidmat masyarakat dan sosial seperti Pusat Khidmat Keluarga (FSC) dan Agensi Pakar Sokongan Perceraian (DSSA).
- DSSA mengadakan kaunseling jangka panjang tentang pengasuhan bersama dan isu kanak-kanak, lawatan secara tukar-menukar yang diseliasa serta program-program lain untuk memberi sokongan kepada keluarga yang sedang melalui perceraian.
- Dengan izin pihak yang terlibat, CFS mungkin juga menghubungi dan bekerjasama dengan para profesional yang membimbing pihak terlibat dan anak-anak mereka, agar CFS dapat memberi sokongan yang lebih kepada keluarga berkenaan.
- Jika penilaian ke atas pihak terlibat dan anak-anak mereka mendapati mereka menghadapi risiko bahaya yang mungkin berlaku, CFS akan memberi amaran kepada agensi-agensi dan orang-orang berkenaan (misalnya, ahli-ahli keluarga yang lain) untuk melindungi keluarga mereka.

Proses Perantaraan

Selepas sesi kaunseling dengan CFS, pihak terlibat akan menjalani sesi perantaraan untuk menyelesaikan apa-apa isu tentang perceraian dan perkara-perkara sampingan.

Perantaraan menawarkan suasana persekitaran yang selamat dan membantu pihak yang terlibat untuk berkomunikasi secara terbuka. Ia dijalankan dengan kehadiran Perantara selaku pihak ketiga yang berkecuali dan beliau juga mungkin adalah Hakim-Perantara yang dilantik khas, seorang pegawai Mahkamah Keluarga ataupun seorang profesional guaman sukarela.



Nota:

- Orang yang bertindak sebagai Perantara di tahap ini tidak akan hadir sebagai perantara atau berperanan yang lain sekiranya kes ini diteruskan untuk perbicaraan.
- Anda boleh hadir di sesi perantaraan ini bersama atau tanpa peguam. Tetapi, peguam dapat membantu untuk menilai sama ada kes anda mempunyai kekuatan ataupun kelemahan untuk peguam memberi nasihat kepada anda sama ada usulan-usulan yang diberikan dalam perantaraan adalah munasabah atau/dan boleh diterima.

Tip-Tip untuk menghadiri Perantaraan

- Sebelum anda menghadiri perantaraan, pastikan anda bersedia untuk mendengar. Anda perlu bersikap terbuka terhadap pandangan pihak lawan tanpa terlalu mementingkan pandangan anda.
- Utamakan kepentingan anak-anak anda dahulu. Apabila anda berbincang dengan pihak lawan, jangan lupa untuk mengusulkan penyelesaian yang terbaik demi anak-anak anda.
- Dapatkan nasihat guaman. Prosedur perceraian dan perpisahan adalah rumit dan peguam dapat membantu anda.

APA YANG DAPAT DIJANGKAKAN?

- Setelah sesi kaunseling dikemas kini, Perantara akan bercakap dengan pihak terlibat dan peguam mereka tentang kes ini dari aspek undang-undang.
- Dengan kehadiran Perantara, pihak terlibat akan didorong untuk memahami pandangan masing-masing dan cuba mencari huraian berhubung anak-anak mereka dan isu-isu lain yang dipertikaikan.
- Semasa sesi perantaraan, Perantara boleh bercakap dengan peguam dan pihak terlibat melalui sesi bersama atau sesi persendirian secara berasingan.
- Jika Perantara mendapati terdapat isu undang-undang dan emosi yang rumit untuk dihuraikan, mereka mungkin mengadakan perantaraan bersama yang mana CFS akan campur tangan sebagai perantara tambahan.
- Semasa perantaraan bersama dijalankan, Perantara dan CFS mungkin akan mengadakan sesi bersama anak-anak mereka.

Nota:

- Lebih daripada satu sesi perantaraan mungkin diadakan untuk mencapai persetujuan



PROSES PERANTARAAN DAPAT MEMBANTU DALAM:

A) PERCERAIAN:

Ia adalah untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan perceraian itu sendiri:

- Sama ada perceraian ini akan ditentang.
- Apakah keterangan yang akan dibentangkan oleh pihak terlibat.
- Sama ada alasan perceraian ini berdasarkan soal tuntutan dan/atau tuntutan balas.

B) PERKARA-PERKARA SAMPINGAN:

Ia adalah untuk menyelesaikan isu-isu yang timbul selepas perceraian terjadi:

- Urusan penjagaan anak-anak pihak terlibat di masa depan.
- Peruntukan bagi nafkah isteri/suami dan anak-anak.
- Bagaimana rumah sepemahwinan mereka akan dibahagikan.
- Bagaimana aset sepencarian mereka akan diagihkan.
- Berapakah jumlah nafkah yang akan diperuntukkan untuk anak-anak dan/atau bekas isteri/suami.


Nota:

- Di sesi perantaraan perceraian, anda boleh memberitahu Perantara jika anda ingin rujuk semula dengan isteri/suami anda. Jika pasangan anda bersetuju untuk menimbangkannya, Mahkamah boleh menyarankan agar pihak terlibat menghadiri kaunseling.

Apa yang Berlaku Selepas Diadakan Perantaraan?

Jika pihak terlibat mencapai persetujuan di sesi perantaraan atau perantaraan-bersama, *mereka dianggap menerima...*

... PENYELESAIAN



Syarat-syarat perceraian yang dipersetujui akan direkodkan oleh Hakim sebagai Perintah Mahkamah



Selepas direkodkan, pihak terlibat perlu mematuhi semua syarat yang dipersetujui.



Jika terdapat perubahan besar pada keadaan pihak terlibat, mereka boleh memohon untuk meminda perintah yang ada sekiranya tidak terdapat persetujuan antara mereka

Jika pihak terlibat tidak mencapai persetujuan di sesi perantaraan atau perantaraan-bersama, *mereka perlu hadir untuk...*

... PERBICARAAN



Mahkamah akan memberi arahan-arahan yang perlu kepada pihak terlibat untuk menjalani prosiding perbicaraan.



Untuk maklumat lanjut tentang proses-proses lain yang melibatkan perceraian, sila rujuk kepada risalah *Divorce in Singapore: The Essentials* penerbitan FJC.

Tip-tip tentang Pangasuhan-Bersama Semasa dan Selepas Perceraian

Dalam proses perpisahan, anak-anak sering terkesan dari segi emosi dan psikologi. Mereka akan berasa cemas dan sedih tentang perubahan yang berlaku. Adalah penting bagi anda untuk bertindak melindungi demi kesejahteraan anak anda.

- 1 Duduklah bersama-sama anak anda dan jelaskan secara mudah tentang perceraian anda tanpa menyalahkan sesiapa. Beri mereka keyakinan bahawa mereka tetap akan dijaga dan disayangi oleh anda dan ibu/bapa mereka walaupun selepas berlakunya perpisahan.
- 2 Berkerjasamalah dengan ibu/bapa anak-anak anda biar apapun perasaan anda terhadap bekas pasangan anda itu. Ini membolehkan anak-anak anda berdampingan dengan anda berdua sambil mendapat perhatian daripada kedua ibu bapa mereka.
- 3 Anda dan bekas pasangan anda perlu berkongsi tanggungjawab demi kesejahteraan anak-anak anda itu.
- 4 Hormatilah privasi bekas pasangan anda sebagai ibu bapa kepada anak-anak anda dan wujudkan komunikasi secara ramah-tamah apabila anda menghuraikan masalah anak-anak anda.
- 5 Apabila anda dan bekas pasangan anda sedang marah, elakkan daripada menyalahkan antara satu sama lain atau anak-anak anda.
- 6 Anda dan bekas pasangan anda perlu elakkan daripada memburuk-burukkan bekas pasangan anda kepada anak-anak anda.
- 7 Jangan mengugut anak-anak anda bahawa anda akan menghantar mereka untuk tinggal dengan bekas pasangan anda.
- 8 Yakinkan anak-anak anda bahawa mereka tidak bersalah. Galakkan anak-anak anda untuk bercakap tentang perasaan mereka; izinkan mereka untuk terus menyayangi dan berjumpa dengan kedua ibu bapa mereka.
- 9 Buat persediaan untuk anak-anak anda melalui perubahan dalam hidup mereka akibat perceraian anda itu.

Pihak-pihak untuk Dihubungi

Sekiranya anda memerlukan bantuan semasa proses perceraian, program-program dan agensi-agensi berikut dapat menolong.

Adakah anda memerlukan khidmat kaunseling atau Program Wajib Keibubapaan (MPP)?

Hubungi: Divorce Support Specialist Agencies (DSSAs) (Agensi Sokongan Pakar Perceraian)

<https://www.msf.gov.sg/Divorce-Support/Divorce-Support/Divorce-Support-Specialist-Agencies/Pages/DSSA-Locations.aspx>



Adakah anda ingin mendapatkan nasihat guaman awal untuk keadaan diri anda?

Hubungi: Legal Clinics (Klinik Guaman)

Pergi ke Legal Clinic @ Community Justice Centre
1 Havelock Square, Basement 1, State Courts Complex, Singapura 059724
Tel: 6557 4100

Community Legal Clinics kelolaan Law Society Pro Bono Services

Hubungi Talian Penting: 6536 0650 untuk membuat temu janji di salah satu daripada lokasi-lokasi berikut:

- Daerah Barat Laut (Berdekatan Stesen MRT Woodlands)
900 South Woodlands Drive, #06-13, Woodlands Civic Centre, Singapura 730900
Waktu Beroperasi: Isnin (7.30mlm to 9.30mlm)

- Daerah Tenggara (7 minit berjalan kaki dari Stesen MRT Paya Lebar)
1 Engku Aman Turn, #03-02, Singapura 408528
Waktu Beroperasi: Isnin (7mlm to 9mlm)
- Daerah Barat Daya (Berdekatan Stesen MRT Jurong East)
The JTC Summit, 8 Jurong Town Hall Road, #26-06, Singapura 609434
Waktu Beroperasi: Rabu (7mlm to 9mlm)
- Daerah Tengah Singapura (Berdekatan Stesen Mrt Toa Payoh)
490 Toa Payoh Lorong 6, #07-11, HDB Hub via Biz Three Lift Lobby 1, Singapura 310490
Waktu Beroperasi: Khamis (7mlm to 9mlm)

Terdapat klinik-klinik guaman yang lain di seluruh Singapura.

Senarai lengkap mengenainya terdapat di laman web Persatuan Peguam di: <https://www.lawsociety.org.sg/our-community/pro-bono-services/>



*Sesi One-off 20-minutes (Berbual sekali selama 20 minit) sah selama 6 bulan)

Hubungi: Para peguam yang mengadakan khidmat swasta

Senarai peguam yang mengadakan khidmat swasta terdapat di: www.mlaw.gov.sg/eservices/Isra/search-lawyer-or-law-firm/



Adakah anda mahu diwakili oleh peguam tetapi anda tidak berkemampuan untuk mendapatkannya?

Hubungi: Legal Aid Bureau (Biro Bantuan Guaman)

45 Maxwell Road, #07-11, The URA Centre (East Wing), Singapura 069118
Tel: 1800-CALL-LAW (1800 2255 529)

Waktu Beroperasi

Isnin hingga Jumaat:

8:30pagi hingga 5ptg

Ditutup pada hujung minggu & cuti umum



Sesiapa sahaja yang ingin memohon untuk mendapatkan bantuan guaman perlu memenuhi Ujian Means (Kemampuan) dan Ujian Merits. Maklumat lanjut tentang Ujian Means dan Ujian Merits terdapat di laman web Legal Aid Bureau di www.mlaw.gov.sg

Biro Bantuan Guaman dapat menentukan sama ada anda layak ataupun tidak untuk bantuan guaman. Anda boleh membuat temu janji untuk pergi ke Biro Bantuan Guaman walaupun anda rasa anda tidak layak untuk mendapatkan bantuan guaman berdasarkan kiraan yang anda buat serta maklumat yang terdapat di laman web Legal Aid Bureau.

Adakah anda akan bertindak tanpa peguam dan telah menyiapkan semua dokumen anda?

Hubungi: Khidmat Biro CrimsonLogic

133 New Bridge Road #19-01/02, Chinatown Point
Singapura 059413

No. Telefon: 6538 9507

Waktu Beroperasi:

Isnin hingga Jumaat: 8:30pagi hingga 5ptg

Sabtu: 9:30pagi hingga 12tgh

Ditutup pada Hujung Minggu & Cuti Umum

Adakah anda akan bertindak tanpa peguam tetapi anda memerlukan bantuan tentang proses di mahkamah?

Hubungi: Community Justice Centre (CJC)

Friends of Litigants in Persons (FLIPs)

FLIPs ialah para sukarelawan yang membantu litigan tanpa peguam untuk sokongan emosi dan panduan untuk memahami proses-proses asas di mahkamah. Tetapi, mereka bukan peguam anda dan mereka tidak boleh memberi anda nasihat undang-undang.

Primary Justice Project (PJP)

PJP mengadakan peguam untuk anda yang akan memberi nasihat asas dan cuba menyelesaikan pertikaian anda dengan mengenakan bayaran yang ditetapkan. Peguam tersebut akan membantu anda untuk berunding dan cuba mendapatkan penyelesaian. Peguam juga mungkin akan cuba menyelesaikan pertikaian ini melalui perantaraan yang anda perlu hadiri.

Maklumat lanjut boleh anda dapatkan dari CJC di lokasi seperti berikut:

- 1 Havelock Square, Basement 1, State Courts Complex, Singapura 059724
- Tingkat 3, Family Justice Courts (Mahkamah Keadilan Keluarga)
Tel: 6557 4100

Jika anda ingin pergi ke agensi-agensi ini, sila telefon atau lawat laman web agensi-agensi tersebut terlebih dahulu untuk mendapatkan waktu ia beroperasi yang terkini.

This page is intentionally left blank

This page is intentionally left blank

Memahami panduan ini

Afidavit: Keterangan rasmi bertulis yang menceritakan tentang fakta-fakta kes anda

Perkara Sampingan: Isu-isu berkaitan perceraian seperti kustodi, hak penjagaan dan kawalan serta akses ke atas anak-anak, soal nafkah atau pembahagian harta sepencarian

Persidangan Kes: Pertemuan pihak terlibat dan/atau peguam mereka yang diadakan oleh mahkamah untuk memberi arahan tentang perkembangan sesuatu kes

Sijil Penghakiman Muktamad: Ia adalah sijil yang dibuat oleh Pendaftar mahkamah apabila penghakiman telah dibuat di bawah mohor mahkamah

CFRC: Pusat Penyelesaian Tertumpu pada Kanak-Kanak

CFS: Pakar Keluarga Mahkamah, seorang profesional dalam kesihatan mental

Perintah Persetujuan: Perintah Persetujuan direkodkan apabila pihak terlibat bersetuju untuk menyelesaikan apa-apa isu yang dipertikaikan tentang perkara-perkara sampingan dan lain-lain

Pengasuhan Bersama: Ibu bapa yang bekerjasama antara pemberi jagaan utama dengan memberi sokongan dan sumber-sumber yang perlu untuk memenuhi keperluan anak mereka

Tuntutan Balas: Keterangan yang diberikan oleh Defendan dengan menyatakan alasan-alasan untuk memohon perceraian berdasarkan dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh Defendan

Pembelaan: Keterangan yang dibentangkan oleh Defendan untuk menyangkal dakwaan-dakwaan dari Plaintiff

Pembelaan bagi Tuntutan Balas:

Keterangan yang dibentangkan oleh Plaintiff untuk menyangkal dakwaan-dakwaan Defendan dalam Tuntutan Balas Defendan

Defendan: Pasangan suami/isteri yang dituntut perceraian

DSSA: Agensi Sokongan Pakar Perceraian

FDR: Divisyen Penyelesaian untuk Pertikaian Keluarga di Mahkamah Keadilan Keluarga mempunyai Hakim dan staf perantara dan profesional kesihatan mental yang menguruskan sesi perantaraan dan kaunseling bagi perkara-perkara yang memerlukan campur tangan sebagai alternatif kepada persidangan mahkamah

Persidangan FDR: Pertemuan pihak terlibat dan/atau peguam mereka yang diadakan oleh FDR untuk memberi arahan tentang perkembangan sesuatu kes

FJC: Mahkamah Keadilan Keluarga (Family Justice Courts)

FSC: Pusat Khidmat Keluarga (Family Service Centre)

Penghakiman Interim:

Perintah sementara untuk perceraian yang akan dimuktamadkan dalam masa 3 bulan atau lebih selepas Perkara-Perkara Sampingan diselesaikan

Hakim-Pengantara: Hakim yang mengendalikan sesi perantaraan

Izin Mahkamah: Kebenaran yang diperoleh dari mahkamah untuk mengambil tindakan. Tanpa kebenaran ini, tindakan tidak boleh dilakukan

Perantaraan: Campur tangan untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian melalui persetujuan pihak terlibat

Perantara: Pihak ketiga yang berkecuali dalam proses perantaraan dan seseorang hakim, staf FJC atau profesional guaman sukarela boleh dilantik sebagai perantara.

MOA: Memorandum Kehadiran (Memorandum of Appearance)

MPP: Program Keibubapaan Mandatori (Mandatory Parenting Programme)

MSF: Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (Ministry of Social and Family Development)

Laluan Perceraian yang Biasa: Bagi perceraian dan semua perkara sampingan yang tidak dipersetujui antara pihak terlibat

Perintah Mahkamah: Arahan yang diberikan oleh mahkamah tentang apa yang seseorang itu boleh dan tidak boleh lakukan

Pihak Terlibat: orang-orang yang terlibat dalam perkara-perkara perceraian, perpisahan dan isu anak-anak seperti ibu bapa serta datuk dan nenek dll

Plaintif: Pasangan suami/isteri yang memohon untuk perceraian

Balasan: Respon/jawapan daripada Plaintiff selepas defendan menegaskan untuk membuat pembelaan

Laluan Perceraian

Diperudahkan:

Bagi perceraian dan semua perkara sampingan yang dipersetujui antara pihak terlibat

